

Banjir besar 2007?

Malaysia terletak di Zon Equatorial di mana negara akan mengalami hujan yang lebat seperti angin Monsun Timur Laut membawa hujan yang lebat ke negeri-negeri di Pantai Timur dan juga ke Sabah dan Sarawak

Oleh HATA WAHARI
(WARTAWAN UTUSAN)

SEPULUH hari lagi kita akan menyambut tahun baru 2007, mungkinkah banjir yang berlaku di Johor dengan kira-kira 10,000 orang penduduk terpaksa dipindahkan selepas hujan turun tidak henti sejak Ahad merupakan petanda banjir besar akan berlaku di Malaysia terutama di Semenanjung Malaysia.

Dalam sejarah negara, banjir besar berlaku pada tahun 1927 yang dinamakan Bah Merah di mana ia melanda Kelantan dan dinamakan sedemikian kerana air banjir tersebut berwarna merah serta meninggalkan kesan lumpur merah setelah air surut.

Pada tahun 1967 banjir besar sekali lagi berlaku di Malaysia dan ia meliputi kebanyakan negeri-negeri di Pantai Timur di mana 55 orang terbunuh dan selang empat tahun kemudian iaitu 1971 sekali lagi banjir besar berlaku kali ini melanda Kuala Lumpur dan beberapa negeri dimana 24 orang terbunuh.

Negara sudah lama tidak mengalami banjir besar, apa yang kita hadapi selama ini hanya banjir sederhana dan banjir kilat akibat limpahan hujan yang banyak dalam satu-satu masa namun kesengsaraan dan kerugian yang dialami oleh penduduk adalah besar.

Malaysia terletak di Zon Equatorial di mana negara akan mengalami hujan yang lebat seperti angin Monsun Timur Laut membawa hujan yang lebat ke negeri-negeri di Pantai Timur dan juga ke Sabah dan Sarawak.

Hujan ini yang biasanya turun dengan lebat beberapa hari secara berterusan boleh mengakibatkan banjir seperti banjir besar yang berlaku pada tahun 1967, 1971.

Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Ibrahim Komoo yang juga seorang pakar geologi ketika diajukan adakah kemungkinan Malaysia akan dilanda banjir besar tidak menolak kemungkinan perkara itu akan berlaku.

Dr. Ibrahim memberitahu, dalam tempoh-tempoh tertentu Malaysia akan

menerima limpahan hujan yang banyak dan lebat selama berhari-hari dan ini memungkinkan berlaku banjir besar.

"Dalam tempoh 10, 15 atau 20 tahun, Malaysia akan menerima limpahan hujan yang banyak serta lebat dan ini memungkinkan akan berlaku banjir besar seperti tahun 1971 di Kuala Lumpur dan beberapa banjir besar yang melanda negeri-negeri Pantai Timur," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Malaysia mempunyai keluasan tanah sebanyak 330,000km persegi di mana sembilan peratus kawasan atau 29,000km persegi adalah kawasan yang mudah banjir.

Kira-kira 2.7 juta penduduk tinggal di kawasan yang mudah banjir ini dan apabila ia berlaku mereka akan menghadapi kerosakan, antaranya kerosakan kepada harta benda termasuk rumah dan kereta serta kemudahan awam seperti jalan raya dan jambatan.

Kejadian banjir di Malaysia berpunca dari sebab-sebab semula jadi, di mana hujan yang diterima adalah tinggi iaitu 2,500 milimeter (mm) setahun di Semenanjung dan 3,500mm setahun di Sabah dan Sarawak.

Diramal

Penurunan hujan di negara ini juga sukar diramal kerana walaupun purata hujan sebulan di Semenanjung Malaysia adalah 200mm, tetapi apa yang berlaku apabila hujan turun dengan lebat ia mencecah 200mm yang boleh dicapai dalam tempoh sehari atau dalam beberapa jam sahaja mengakibatkan banjir berlaku.

Kawasan yang berdekatan dengan laut, air pasang yang tinggi juga salah satu sebab mengapa banjir berlaku di mana bila hujan turun air dalaman tidak dapat mengalir ke laut atau sungai kerana air pasang yang tinggi.

Pembangunan yang tidak terancang dan mekanisme-mekanisme untuk mengelakkan banjir tidak dipertingkatkan hanya penyumbang kecil kepada kejadian banjir.

Dr. Ibrahim memberitahu, banjir besar pasti akan berlaku tetapi bila ia akan berlaku, tidak dapat ditentukan kerana



PERANCANGAN bandar yang tidak bijak boleh mengakibatkan berlakunya banjir kilat di bandar-bandar besar.

— Gambar hiasan

kadangkala ia menjangkau tempoh 20 tahun baru banjir besar itu akan berlaku.

"Kemungkinan banjir besar akan melanda negara akhir tahun ini atau tahun depan terdapat kemungkinan besar memandangkan Malaysia sejak 1971 tidak mengalami banjir besar," katanya.

Ditanya mengenai banjir yang melanda Johor, beliau berpendapat ia kerana limpahan hujan yang banyak dalam tempoh beberapa hari.

Dr. Ibrahim memberitahu, sekiranya limpahan hujan yang tinggi berlaku, maka pembangunan yang tidak terancang serta mekanisme mengatasi banjir yang sedia ada tidak akan dapat menampung jumlah air sekali gus akan menyebabkan banjir.

Hujan-hujan ini boleh diperkukuhkan dengan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) bahawa hujan dari bulan November, Disember dan Januari berdasarkan model bermusim European Centre for Medium-Range Weather Forecast (ECMWF) adalah di paras normal.

Mengikuti ramalan hujan oleh model tersebut bagi tempoh November, Disember dan Januari akan datang, jumlah hujan dijangkakan di bawah paras normal di kawasan selatan Semenanjung, timur laut negeri Sarawak dan utara-tenggara negeri Sabah manakala negeri-negeri di barat laut Semenanjung dijangka akan menerima hujan melebihi paras normal.

Malangnya, pada masa ini ramalan itu tidak tepat memandangkan selatan Seme-

nanjung Malaysia iaitu Johor dan Melaka menerima hujan melebihi paras normal.

Sehubungan itu adalah tidak salah sekiranya kita memungkinkan bahawa banjir besar akan berlaku, maka persediaan terperinci perlu dilakukan dari sekarang agar kesan-kesan dari bencana ini dapat diminimumkan.

Selepas banjir besar di Kuala Lumpur pada tahun 1971, kerajaan telah mengadakan satu projek tebatan banjir yang besar bermula pada 1973.

Dengan adanya projek ini, dua empangan telah dibina, iaitu Empangan Klang Gate dan Empangan Batu.

Sungai Klang dan beberapa buah sungai utama seperti Sungai Gombak, Sungai Batu dan lain-lain lagi pula diperbaiki secara berperingkat-peringkat.

Banyak kawasan di Kuala Lumpur telah menikmati perlindungan banjir daripada projek tebatan banjir ini tetapi sekiranya berlakunya hujan di atas paras normal kesemua perkara-perkara itu tidak akan dapat menahan dari berlakunya banjir besar.

Sehubungan itu kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan pasukan keselamatan perlu bersedia dari sekarang untuk menggerakkan operasi apabila berlakunya banjir.

Kesemua anggota bantuan kecemasan perlu bersedia memberikan bantuan secukupnya kepada orang ramai apabila bencana itu berlaku bagi mengurangkan kesengsaraan yang akan dialami.